

INFORMASI DAN SOALAN LAZIM

- Apa dia Zakat Online?
 - Zakat Online adalah platform yang membolehkan awda membayar Zakat melalui Perbankan Dalam Talian.
- Apakah pembayaran Zakat secara dalam talian sah dan bertepatan dengan hukum Syara'?
 - Mufti Kerjaan Brunei Darussalam melalui siri Fatwa (16/2020) Bil. 24-1/2/5Ej(2) bertarikh 18 Syawal 1441H bersamaan dengan 10 Jun 2020 telah menyatakan bahawa pembayaran Zakat Harta dan Fitrah secara dalam talian adalah harus dan sah kerana ia memenuhi tatacara yang ditetapkan oleh Syara' dalam pembayaran zakat.
- Siapakah yang boleh menggunakan Zakat Online?
 - Zakat Online adalah terbuka kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam.
- Bilakah saya boleh menggunakan Zakat Online?
 - Zakat Online bagi pembayaran zZakat fFitrah bermula pada 9 Ramadhan 1442H dan berakhir pada 28 Ramadhan 1442H. (Sebelum waktu Maghrib)
- Perlukah saya mendaftar untuk menggunakan Zakat Online?
 - Pada masa ini Zakat Online hanya boleh digunakan oleh pelanggan TAIB dan mereka yang telah mendaftar dengan Perbankan Online sahaja. (www.taib.com.bn)
- Apakah kategori untuk pembayaran Zakat Fitrah?
 - Pembayar Zakat Fitrah
 - Pembayar Zakat Fitrah dan tanggungannya
 - Orang yang berwakil
 - Orang yang berwakil dan tanggungannya
- Apakah syarat bagi membuat pembayaran Zakat Online?
 - Beragama Islam
 - Pembayar Zakat Fitrah, orang yang berwakil (Muwakkil) dan tanggungannya mestilah berada di Negara Brunei Darussalam
 - Pembayaran Zakat Fitrah tidak boleh dibuat dengan cara berhutang
- Bagaimana cara untuk membuat pembayaran Zakat Online?
 - Awda boleh membuat pembayaran melalui akaun TAIB awda yang sedia ada.
- Kenapa pembayaran Zakat Fitrah saya tidak berjaya?
 - Akaun TAIB awda mungkin tidak mempunyai baki yang mencukupi.
- Bagaimana saya hendak melafazkan niat Zakat Fitrah menggunakan Zakat Online?
 - Pembayar Zakat Fitrah mestilah melafazkan niat Zakat Fitrah sebelum menekan butang "Bayar" pada laman pembayaran Zakat Fitrah.

